

# UTeM perkenal JELITA ke universiti Uzbekistan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam proses melebarkan sayap program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khusus untuk wanita yang dikenali sebagai JELITA (Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement) ke Uzbekistan.

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin berkata, memperluaskan program TVET JELITA di Uzbekistan adalah sebahagian daripada agenda dalam rangka kerjasama strategik antara UTeM dan universiti-universiti Uzbekistan.

Jelasnya, ini adalah permintaan daripada pihak mereka yang juga berhasrat untuk memperkasakan program-program berteraskan TVET



DR Massila bergambar kenangan selepas majlis menandatangani Lol antara UTeM, TUIT dan BETI.

untuk golongan wanita di negara berkenaan.

“UTeM kini sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dimiliki berdasarkan reputasi kejayaan dalam menjayakan program TVET JELITA dalam negara bermula sejak tahun 2023 lalu sejurus program TVET JELITA dilancarkan.

“Justeru UTeM akan terus pro aktif dalam memastikan kejayaan program bertaraf nasional ini berjaya secara bersepadu.

“Malahan impaknya turut dapat diperluaskan ke pentas antarabangsa menerusi hubungan ‘keseperanan’ universiti-universiti peringkat global,” katanya pada majlis

menandatangani Surat Niat (Lol) antara UTeM bersama dengan dua universiti dari Uzbekistan iaitu Tashkent University of Information Technologies (TUIT) dan Bukhara Engineering and Technological Institute (BETI) di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, baru-baru ini.

Dalam kunjungan

delegasi dari Uzbekistan ini TUIT diwakili rektornya Profesor Dr Bakhtiyor Makhkamov manakala BETI pula diwakili rektornya Siddokova Sadokat yang telah menandatangani Lol bersama UTeM.

Turut hadir dalam majlis berkenaan adalah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTeM, Profesor Dr Zulkiflie Ibrahim, barisan dekan-dekan fakulti serta Pengarah Pusat Hubungan Strategik Korporat dan Global (UGlobe), Hazman Hasib.

Mengulas lanjut pengisian rangka kerjasama strategik ini, Massila berkata UTeM bersama TUIT dan BETI akan turut menumpukan kepada beberapa agenda lagi untuk dijayakan bersama.

Katanya, pihaknya akan

memperkasakan agenda kolaborasi akademik, penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar. Pada masa yang sama bidang edupelancongan turut menjadi perincian lanjut untuk dizahirkan nanti sekali gus merencanakan persekitaran pelancongan Melaka.

“Di samping itu, beberapa produk inovasi yang berpotensi besar dari ketiga-tiga institusi pendidikan tinggi ini turut akan dilonjakkan proses pengkomersialannya menerusi cabang projek ‘spin off’ secara bersama.

“Secara umumnya kerjasama strategik ini bukan hanya dalam konteks dunia pendidikan tinggi semata-mata, malahan turut mengukuhkan hubungan diplomasi antara 2 buah negara di rantau Asia ini,” katanya.